

UKE07/25: KURSUS PENGURUSAN PROFESIONAL JURUUKUR DAERAH BAGI PEJABAT UKUR

Kursus Pengurusan Profesional Juruukur Daerah Bagi Pejabat Ukur Daerah telah dilaksanakan secara dalam talian pada 29 Oktober 2025.

Penceramah:

LSr Prabakaran A/L Supramaniam (JUPEM)

LSr Zamri bin Rani (JUPEM)

LSr Siti Mariam Binti Noruddin (JUPEM)

Kursus ini telah dirasmikan oleh YBrs. LSR Muhammad Salim bin Mohammed Asari, BCN., AMP., Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan II, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Dalam ucapan perasmianya, beliau merakamkan penghargaan kepada Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta Bahagian Kadaster, JUPEM atas inisiatif menganjurkan kursus ini yang dilihat dapat memperkukuh pengetahuan dan kompetensi Juruukur Daerah dalam aspek pengurusan profesional. Beliau turut menekankan kepentingan kolaborasi berterusan antara JUPEM dan INSTUN dalam memperkasa pembangunan modal insan sektor ukur dan pemetaan negara.

Kursus ini dianjurkan bagi memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan pengurusan, pentadbiran dan tanggungjawab selaku Ketua Jabatan di Pejabat Ukur Daerah. Penganjuran kursus diharap dapat memberi manfaat serta menyokong pelaksanaan proses kerja semasa yang berkuat kuasa di samping meningkatkan kemahiran dan kompetensi peserta.

Sepanjang penganjuran kursus berjalan dengan lancar. Penyampaian ceramah disokong dengan slaid pembentangan dan nota yang disediakan telah membantu peserta memahami isi kandungan dengan lebih jelas.

Hasil maklum balas menunjukkan peserta berpuas hati dengan pengisian kursus khususnya dari aspek slot ceramah dan bahan sokongan yang disediakan. Segala cadangan dan usul penambahbaikan yang dikemukakan akan diambil perhatian bagi memastikan perjalanan kursus pada masa hadapan lebih mantap dan berkesan.

8:40 AM | tnf-rxoe-vtm

SR NOORUL FITRI BIN MD SALLEH (JUPEM-BK)

23 others

REDZA HAJI OMAR

9:01 AM | tnf-rxoe-vtm

SR ZAMRI BIN RANI (JUPEM-MELAKA) (Presenting, annotating)

PEMANTAPAN SOP
PENGURUSAN PEJABAT
UKUR DAERAH

LSr Hj. Zamri Bin Rani
Timbalan Pengerah Ukur dan Pemetan Melaka
Jabatan Ukur dan Pemetan Melaka

25 others

REDZA HAJI O...

11:01 AM | tnf-rxoe-vtm

SR PRABAGARAN A/L SUPRAMANIAM (JUPEM-BK) (Presenting, annotating)

PENGURUSAN PASUKAN KERJA LUAR
&
CHECK SURVEY

LSr Prabakaran a/l Supramaniam
Bahagian Kadaster

24 others

REDZA HAJI OMAR